

Penyampai : DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI  
Tajuk : MAJLIS SIRI CERAMAH TAHUNAN DATIN SERI DR. SITI HASMAH  
Lokasi : HOTEL HOLIDAY INN ON THE PARK, KUALA LUMPUR  
Tarikh : 21-11-1988

Yang Berbahagia Tan Sri Datuk Abdul Rahman Jalal; Yang Berbahagia Datuk Asiah bte Abu Samah, Yang Di-Pertua Persatuan Siswazah Wanita Malaysia; Dif-Dif Kehormat; Puan-puan dan Tuan-tuan sekalian.

Assalamu alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Saya bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu wa Ta'ala kerana sekali lagi kita dapat bertemu di Majlis Ceramah Tahunan anjuran Persatuan Siswazah Wanita Malaysia. Saya mengucapkan berbilang terima kasih kerana telah menjemput saya memberi sepatah dua kata di Majlis ini.

2. Pada masa ini masyarakat Islam di seluruh dunia sedang mengalami proses perkembangan yang amat pesat. Di Malaysia juga kita turut terlibat. Tetapi dalam pergolakan ini kadang-kadang kita tidak mendapat maklumat yang lengkap dan sempurna, atau maklumat yang tersebar datangnya melalui saluran-saluran yang mempunyai tujuan-tujuan tertentu sewaktu menyebarkan maklumat itu. Dengan demikian kadang-kadang maklumat yang akhirnya sampai kepada kita telah mempunyai warna-warna tersendiri.

3. Oleh itu saya bergembira sekali pada malam ini, Persatuan Siswazah Wanita telah menyusun ceramah yang menyentuh tentang satu aspek dunia Islam dalam konteks antarabangsa. Pertubuhan Persidangan Islam atau OIC memang kita kenal, tetapi tidak dengan begitu dekat. Oleh itu kita sangat bernasib baik kerana Yang Berbahagia Tan Sri Datuk Abdul Rahman sendiri dapat hadir. Yang lebih penting ialah pendekatan yang akan diambil sewaktu membicarakan tajuk ini, iaitu kedudukan OIC dalam konteks negara-negara membangun.

4. Saya mengucapkan tahniah kepada Persatuan Siswazah Wanita Malaysia dan terima kasih kepada Yang Berbahagia Tan Sri di atas usaha ini.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

5. Saya sentiasa mengikuti kegiatan-kegiatan yang dijalankan oleh kaum wanita di negara ini, terutama wanita-wanita terpelajar. Saya amat gembira melihat taraf dedikasi yang diperlihatkan oleh wanita golongan ini.

Mereka bukan sahaja membuktikan keupayaan mereka apabila diberi tugas dan tanggungjawab yang mencabar, tetapi mereka juga telah memperlihatkan keinginan untuk membela nasib bangsa mereka. Saya telah mengikuti kegiatan-kegiatan kaum wanita melalui pergerakan sukarela dan melalui kegiatan-kegiatan lain seperti seminar dan persidangan yang diadakan. Sesungguhnya kaum wanita di negara ini amat cergas, bersikap positif dan boleh dibanggakan. Mereka tidak gentar menghadapi cabaran-cabaran baru dan sentiasa bersedia melengkapkan diri demi kesempurnaan yang lebih tinggi.

6. Ahli-ahli Persatuan Siswazah Wanita Malaysia adalah di antara wanita-wanita daripada golongan ini. Mereka sungguh cergas dan telah menyusun banyak rancangan yang bukan sahaja bertujuan memberi manfaat kepada diri sendiri tetapi juga kepada bangsa dan negara.

7. Saya mengucapkan tahniah kepada puan-puan dan berharap keadaan ini akan berterusan bagi semua wanita di negara ini. Bahkan, ingin saya nyatakan di sini bahawa negara kita sungguh beruntung kerana disokong oleh sejumlah kaum wanita yang benar-benar cergas, berkesan dan berdedikasi.

8. Saya akhiri ucapan ini dengan sekali lagi mengucapkan tahniah kepada Pesatuan Siswazah Wanita Malaysia di atas usaha mengadakan ceramah tahunan ini, dan di atas kebijaksanaan memilih tajuk dan penceramahnya. Kepada tuan-tuan dan puan-puan sidang hadirin-hadirat sekalian, saya mengucapkan

selamat menikmati ceramah ini.

Wabillahi taufik walhidayah wassalamu alaikum warahmatullahi wabarakatuh.